

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD FASIAH B. HAJI MOHD FAKEH
(SABAK BERNAM)**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang terdapat di negara ini mengikut negara asal dan nyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka dan adakah Kerajaan bercadang untuk mendaftarkan mereka terutama mereka yang telah menetap di negara ini melebihi 20 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah PATI di negara ini.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 6,877 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan tangkapan sebanyak 22,671 orang PATI dan 389 orang majikan. Manakala, bermula 1 Januari hingga 11 Oktober 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 3,389 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan 12,944 orang PATI daripada pelbagai negara dan 134 majikan.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung cadangan untuk mengumpulkan maklumat PATI, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Rekalibrasi PATI yang bertujuan untuk menyelaraskan pendataan PATI melalui pendaftaran maklumat oleh PATI dan majikan yang terlibat. Pelan tersebut turut mensasarkan pemulihan semula sektor ekonomi negara di samping membendung penularan pandemik COVID-19 di dalam negara. Pelan yang mengandungi dua komponen utama iaitu Program Rekalibrasi Pulang dan Program Tenaga Kerja tersebut dilaksanakan bermula 16 November 2020 sehingga 31 Disember 2021 atau sehingga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi PATI selesai. Sehingga 10 Oktober 2021, jumlah PATI yang berdaftar dalam Program Rekalibrasi Pulang adalah seramai 142,547 orang dan jumlah PATI yang telah pulang ke negara asal adalah seramai 120,045 orang. Manakala, bagi Program Rekalibrasi Tenaga Kerja, seramai 209,199 orang PATI telah berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia dan daripada jumlah berkenaan, seramai 30,194 orang PATI telah lulus verifikasi.